

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 4 TAHUN 2018**

**DASAR PENGUBAHAN KATEGORI PENGGUNAAN TANAH,
SYARAT-SYARAT DAN SEKATAN-SEKATAN UNTUK PROJEK LADANG HUTAN
NEGERI KELANTAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-19 tahun 2018 yang telah bersidang pada 10 Oktober 2018 telah menimbang dan meluluskan dasar pengubahan penggunaan tanah, syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan bagi tanah ladang yang terlibat dengan projek ladang hutan yang tidak berdaya maju.

2. Bagi projek ladang hutan di atas Tanah Kerajaan yang telah diberimilik dengan tempoh pajakan tidak kurang daripada 50 tahun, syarikat/pemaju adalah dibenarkan untuk menanam tanaman lain sebagai sampingan selain daripada pokok spesies hutan mengikut kadar 70% (spesies hutan) dan 30% (lain-lain tanaman) bagi membolehkan ladang hutan diusahakan secara optimum.
3. Bagi projek ladang hutan yang melibatkan Tanah Hutan Simpan (Rizab Hutan), syarikat/pemaju adalah dikehendaki menanam 100% daripada pokok spesies hutan sebagaimana dasar terdahulu bagi mengelakkan pencerobohan dan kacau ganggu oleh peneroka-peneroka haram.
4. Permohonan bagi pengubahan ini tertakluk kepada syarat sebagaimana berikut :
 - 4.1. Syarat nyata baharu yang diubah hendaklah menyatakan syarat-syarat tersirat yang perlu dipatuhi untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya diambil oleh Pentadbir Tanah Jajahan atau Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.
 - 4.2. Premium denda langgar syarat ialah atas kadar RM 500.00 sehektar dan premium tambahan ubah syarat tanah ladang ialah atas kadar RM200.00 sehektar.
 - 4.3. Cukai tanah dikenakan dengan tambahan sebanyak 20%-30% daripada cukai tahunan asal tanah berkenaan.
5. Dasar ini terpakai kepada semua kategori tanah ladang mengikut tafsiran Kanun Tanah Negara 1965 dan pelaksanaan dasar ini tertakluk kepada mana-mana peruntukan berkaitan yang sesuai mengikut Kanun Tanah Negara 1965.

6. Sehubungan dengan itu Pentadbir-pentadbir Tanah adalah diminta mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi permohonan yang dimaksudkan.

7. Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL D.P.S.K. (KELANTAN), K.M.N
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah PLANMalaysia@Kelantan (JBPD)
8. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

FAIL : PTG.KN.1/2/30(1)
BERTARIKH : 12 Safar 1440H
21 OKTOBER 2018